

159

SOALAN NO. 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN GOBIND SINGH  
DEO [ PUCHONG ]

**TARIKH :** 12 MAC 2018

**SOALAN :**

YB Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 telahpun dikuatkuasakan dan sekiranya tidak, kenapa.

**JAWAPAN:** YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 [Akta A1558] akan dikuatkuasakan dalam masa terdekat apabila tatacara dan garis panduan untuk kegunaan agensi-agensi penguat kuasa dimuktamadkan bagi memastikan pelaksanaannya berkesan dan saksama.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' RAJA KAMARUL BHARIN SHAH  
(KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH : 12 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10562**

**SOALAN :**

**PR-1361-L05412**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [ Kuala Terengganu ]  
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah polisi Kerajaan  
terhadap warga asing yang menjadi pelarian politik ke Malaysia yang  
diminta diekstradisi pulang ke negara asal mereka.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia tidak menandatangani dan bukan ahli kepada Konvensyen berkaitan Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf pelarian politik. Pelarian ke Malaysia dianggap sebagai warga asing yang tertakluk kepada undang-undang negara yang berkuatkuasa seperti bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155).

Permintaan Ekstradisi adalah permintaan bagi mengekstradisi penjenayah buruan (*fugitive criminal*) dan tertakluk kepada syarat-syarat Akta Ekstradisi 1992. Kesalahan-kesalahan yang boleh diekstradisi hendaklah memenuhi prinsip *dual criminality* iaitu kesalahan yang dilakukan oleh *fugitive criminal* yang mempunyai *jurisdiction* di bawah undang-undang kedua-dua negara iaitu *requesting state* dan *requested state*. Kesalahan tersebut juga hendaklah sekurang-kurangnya hukuman penjara 1 tahun terhadap penjenayah buruan sekiranya didapati bersalah.

Berdasarkan Akta tersebut, permintaan ekstradisi tidak boleh dipertimbangkan atas kesalahan yang tidak memenuhi *dual criminality*, kesalahan yang bersifat politik atau seba-sebab politik dan suatu penindasan/penyeksaan (*torture*) berlaku dengan memulangkan orang tersebut kepada *requesting state*.

Sebarang permintaan untuk diekstradisi pelarian pulang ke negara asal mereka disemak dan dilaksanakan mengikut landasan undang-undang sedia ada.